

Jasa Suzuki memajukan Malaysia

Oleh HATA WAHARI
(WARTAWAN UTUSAN)

PENGASAS dan Presiden Dewan Perniagaan, Perdagangan dan Perindustrian Jepun di Malaysia (Jactim), Tan Sri Kazumasa Suzuki, 74, meninggal dunia pada Sabtu, 21 April lepas akibat tumor kelenjar prostat dan selamat disemadikan di Tsukiji Honganji, Tokyo kelmarin meninggalkan 1,001 jasa di negara ini sejak beliau datang ke Malaysia pada tahun 1968.

Mendiang akan diingati sebagai orang yang bertanggungjawab membawa pelabur-pelabur Jepun ke Malaysia untuk bersama-sama melaksanakan Dasar Padang ke Timur yang digerakkan oleh, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Keupayaan Suzuki untuk menarik pelabur-pelabur dari Jepun kerana rasa hormat ahli-ahli perniagaan negara itu kepada mendiang yang bukan sahaja telah membuktikan bahawa negara ini mempunyai banyak perkara untuk ditawarkan tetapi Malaysia mempunyai suara dan peranan besar terutama di Asia Tenggara serta pertubuhan-pertubuhan serantau lain.

Presiden Alumni Persatuan Alumni Dasar Pandang Ke Timur Malaysia, Za'ba Youn memberitahu, Suzuki merupakan ahli korporat Jepun yang paling disegani di kalangan ahli-ahli perniagaan dari negara matahari terbit.

"Suzuki amat rapat dengan Dr. Mahathir dan apabila bekas Perdana Menteri itu merancang atau melaksanakan pembangunan industri di negara ini, mendiang akan memastikan syarikat-syarikat Jepun turut terlibat dalam projek pembangunan itu," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Za'ba memberitahu, sumbangan mendiang bukan sahaja dalam soal pelaburan syari-

kat-syarikat Jepun di negara ini tetapi juga terlibat dalam pelbagai bidang seperti memastikan biasiswa kepada pelajar Malaysia di Jepun, kebudayaan dan kerjasama dalam pelbagai bidang melalui persatuan serta program Persahabatan Jepun-Malaysia.

Suzuki yang mempunyai Ijazah Ekonomi dari Universiti Gakushuin, Jepun mula bertugas di Malaysia pada tahun 1968 di cawangan syarikat Mitsui & Co. Limited di mana dari tahun 1989 hingga 1996 beliau dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah Mitsui dan dilantik menjadi Pengarah Urusan bagi syarikat Mitsui & Co. Limited di Malaysia.

Pengasas

Mendiang juga telah menjadi Presiden Jactim sejak ia ditubuhkan pada tahun 1984 serta menjadi Pengerusi Yayasan Jactim sejak 1995 dan merupakan anggota pengasas Pusat Penyelidikan Jepun di Institut Penyelidikan Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS) sejak tahun 1991 serta ahli Persatuan Kebudayaan Jepun-Malaysia sejak tahun 1992.

Suzuki dianugerahkan beberapa anugerah dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Jepun sejak tahun 1987 atas sumbangannya membantu pembangunan ekonomi negara membangun dan sumbangannya terhadap meningkatkan kerjasama ekonomi Jepun.

Mendiang ketika menghembuskan nafas terakhir merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Motoko Resources Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat pelaburan dan penasihat kepada Tejana Trading Corporation Sdn. Bhd. sebuah syarikat yang terlibat dalam perdagangan.

Pada tahun 1997 Suzuki dianugerahkan

U.M. - 27/4/2007
Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di mana Naib Canselor UKM, Datuk Dr. Sham Sani pada masa itu berkata, pemilihan Suzuki kerana beliau merupakan tokoh korporat Jepun yang cukup disegani khususnya di kalangan golongan korporat Jepun di Malaysia.

Dr. Sham menegaskan, Suzuki juga merupakan orang yang bertanggungjawab untuk memberi bantuan teknikal dan memacu perkembangan ekonomi negara terutama dalam menjayakan Dasar Pandang ke Timur.

Sepanjang hayat Suzuki, mendiang tidak pernah kenal erti penat untuk membawa industri-industri Jepun ke Malaysia, malahan pembuatan roti Jepun juga dibawa ke negara ini melalui kerjasama dengan Dr. Mahathir di mana kedua-dua tokoh tersebut telah menubuhkan The Loaf pada tahun lepas di Langkawi, Kedah.

Za'ba memberitahu, bantuan terbesar mendiang kepada bekas-bekas pelajar Malaysia yang belajar di Jepun ialah memastikan kesemua pelajar terbabit akan mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat Jepun di Malaysia.

"Itu adalah sumbangan terbesar kepada pelajar Malaysia di Jepun, dan sikapnya yang tegas itu membuatkan peneraju-peneraju syarikat Jepun di negara ini mematuhi setiap arahan yang diberikan.

"Pihak kesatuan amat terhutang budi kepada mendiang kerana dengan bantuannya tidak ada satu pun pelajar Malaysia yang belajar di Jepun pulang ke negara ini tanpa mendapat pekerjaan dan Suzuki juga telah membuktikan kepada syarikat-syarikat Jepun itu bahawa rakyat negara ini mempunyai kebolehan dan kepakaran seperti pekerja lain," katanya.

Sebagai Presiden Jactim, Suzuki juga

memastikan bahawa pelaburan Jepun akan terus dibuat di negara ini walaupun berlaku kenaikan upah buruh di Malaysia dan ini beliau nyatakan semasa merasmikan Yayasan Jactim pada tahun 1995 di mana mendiang menyatakan bahawa pelaburan Jepun tidak akan terjejas walaupun berlaku kenaikan upah dan pelaburan itu akan terus dipertingkatkan dalam bidang pembuatan.

Suzuki meramalkan bahawa pelaburan Jepun di Malaysia akan terus meningkat dalam masa 10 tahun akan datang dan Malaysia tidak akan kehilangan kelebihan daya saingannya.

Pada masa ini syarikat-syarikat Jepun yang melabur di Malaysia ialah daripada pemasangan, yang dibantu oleh industri-industri sokongan, hingga kepada stok bekalan seperti keluli, aluminium dan lain-lain serta teknologi tinggi yang dikenali sebagai regu tiga tonggak kerana ketiga-tiganya mengimbangi satu sama lain terbukti berjaya kerana ini meningkatkan daya saing industri Jepun dan aliran ini akan wujud di negara ini.

Suzuki walaupun mengetahui menghidap tumor kelenjar prostat terus memainkan peranannya untuk meningkatkan persahabatan antara Jepun dan Malaysia dan mendiang pada tahun ini masih lagi memegang jawatan sebagai Pengerusi Persahabatan Jepun-Malaysia 2007 yang menyediakan pelbagai acara sempena sambutan ulang tahun hubungan diplomatik kedua-dua negara yang ke-50 tahun.

Jepun membuka kedutaannya di Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1957 dan bermakna tahun 2007 ini menandakan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Jepun-Malaysia, namun Suzuki yang sepatutnya mengetuai sambutan ini meninggal dunia sebelum acara ini dapat dilaksanakan.